

Jenis Akhbar : Bernama Online
Tarikh : 22/10/2017
Edisi / Muka Surat : www.bernama.com

ANGKASA Galak Lebih Ramai Pesara Sertai Koperasi

Tarikh kemaskini: 22/10/2017

SEREMBAN, 22 Okt (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) mengharapkan pesara dan bakal pesara kerajaan melibatkan diri secara aktif dalam gerakan koperasi negara bagi meningkatkan pendapatan mereka.

Presidennya Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata melalui institusi koperasi, para pesara dapat bergabung idea, modal dan tenaga untuk menceburi bidang ekonomi yang dapat memberi manfaat kepada mereka.

"Pada hari ini pesara-pesara sangat kurang menyertai koperasi-koperasi ini dan perkara itu sewajarnya ditimbang balik oleh pesara supaya penglibatan mereka dalam koperasi di peringkat nasional dapat ditingkatkan.

"Saya berharap pesara-pesara di peringkat setempat daerah dan negeri dapat menubuhkan koperasi masing-masing untuk bergerak bersama-sama dalam meneroka bidang-bidang ekonomi di mana mereka ada kepakaran yang boleh menjana pendapatan,"katanya ketika ditemui Bernama di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian selepas hadir Majlis Penutup Pemimpin bersama Pesara dan Bakal Pesara, Penduduk dan Ahli Pelbagai Koperasi di Dewan Orang Ramai Taman Permai yang turut dihadiri Presiden Kelab Pesara Kerajaan 1 Malaysia (KUPEKMAS) Datuk Omar Osman.

Abdul Fattah yang juga Presiden Organisasi koperasi ASEAN berkata melalui penglibatan dalam koperasi turut membawa pelbagai manfaat lain kepada mereka seperti perubatan.

"Koperasi juga boleh menjaga kebajikan pesara-pesara disamping kebajikan yang diberikan oleh kerajaan,"katanya.

Terdahulu, Abdul Fattah menyaksikan pemeteraian memorandum persefahaman antara KUPEKMAS dan tiga syarikat iaitu Ener Worldwide Sdn Bhd, Afkar Trading and Services dan Hymin Continental Resources bagi menjalin kerjasama dalam bidang perniagaan.

Setakat ini KUPEKMAS Negeri Sembilan mempunyai 1,450 anggota melibatkan pelbagai agensi jabatan.

-- BERNAMA